

## UMP bakal rai 2,773 graduan

KUANTAN - **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** bakal meraikan 2,773 graduan sempena Majlis Konvokesyen kali ke-13, di Dewan Kompleks Sukan UMP Gambang, 10 dan 11 November ini.

Pengurniaan ijazah dan anugerah kecemerlangan kepada graduan pada sidang pertama konvokesyen akan disempurnakan Canselor UMP, Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, daripada jumlah itu, 63 merupakan graduan Ijazah Sarjana Kedoktoran (PhD), 172 graduan Sarjana dan 1,713 graduan Sarjana Muda.

Menurutnya, turut diraikan 40 graduan Dwi Ijazah, 270 graduan diploma, 221 graduan Sarjana Eksekutif, 52 Bachelor Eksekutif dan 242 graduan Diploma Eksekutif membabitkan sembilan fakulti dan dua pusat pengajian.

"Pada konvokesyen kali ini, 40 graduan dwiijazah menerima dua ijazah serentak setelah menamatkan pengajian masing-masing.

"Mereka merupakan graduan Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan



DAING NASIR

Mekatronik dan program Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Automotif hasil program kerjasama UMP dengan Karlsruhe University of Applied Sciences, Jerman (HSKA).

"Manakala Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan hasil kerjasama Reutlingen University yang pertama kalinya bergraduasi," katanya kepada *Sinar Harian*.

Daing Nasir berkata, universiti turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan (Elektronik) kepada mantan Pengarah Urusan Motorola Solutions Sdn. Bhd, Dr. Hari Narayanan P Ondiveeran sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan terhadap ketokohan, kewibawaan dan kepimpinan beliau.

"Pada majlis itu juga, seramai 28 graduan menerima anugerah kecemerlangan universiti dan hadiah industri.

"Sementara itu, tiga anugerah baharu diperkenalkan iaitu Anugerah Kecemerlangan BASF Petronas, Anugerah Kecemerlangan Soho Niaga dan Anugerah Kecemerlangan Setegap Ventures juga akan disampaikan pada majlis sama," katanya.